

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

April 1997

BST 322/3 - Ekosistem Tropika

Masa : [3 jam]

Jawab **LIMA** daripada **ENAM** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

[BST 322/3]

1. Bincangkan pembentukan-pembentukan hutan yang terdapat di Malaysia dengan rujukan khas kepada faktor-faktor iklim dan edafik.
(20 markah)

2. Dengan menggunakan contoh-contoh yang dinamakan, bincangkan saling-tindakan tumbuhan-haiwan di Hutan Hujan Tropika.
(20 markah)

3. (a) Dengan menggunakan angka-angka anggaran, bincangkan satu kaedah untuk menyelidiki produktiviti primer di ekosistem daratan. Jelaskan jenis produktiviti primer yang diukur dengan kaedah ini.
(15 markah)

- (b) Hutan Hujan Tropika kerap kali dianggap sebagai salah satu ekosistem semulajadi yang paling produktif di dunia. Bincangkan.
(5 markah)

4. Tuliskan nota mengenai tajuk-tajuk di bawah:
 - (a) Komponen-komponen utama air laut .
(5 markah)
 - (b) Jenis-jenis muara dari segi kemasinan.
(5 markah)
 - (c) Produktiviti primer ekosistem-ekosistem akuatik tropika.
(10 markah)

[BST 322/3]

5. Kitaran-kitaran bermusim pada tumbuhan dan haiwan berlaku di Hutan Hujan Tropika di Malaysia. Berikan beberapa contoh untuk menyokong kenyataan ini.

(20 markah)

6. Pada pendapat anda, patutkah ekosistem hutan bakau di Malaysia diubah menjadi kolam akuakultur. Berikan alasan anda.

(20 markah)

- 000000000 -

